

Amerika
B.H. - 2 MAY 1992
hanya
pandai
cakap: PM

KOTA KINABALU, Jumaat — Rusuhan kaum di Los Angeles adalah berpunca daripada dasar diskriminasi di antara kulit hitam dan kulit putih, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya pemberita kenapa keadaan sedemikian boleh berlaku sedangkan pemimpin Amerika Syarikat sentiasa melaungkan demokrasi, beliau berkata: "Kita tahu mereka (pemimpin Amerika Syarikat) hanya pandai bercakap mengenai demokrasi."

"Di sana mereka mengutamakan hak persamaan sehingga langsung tidak boleh menolong orang kulit hitam. Kononnya, jika mereka memberi pertolongan kepada kulit hitam maka ia adalah diskriminasi pada kulit putih."

Perdana Menteri berkata, apabila keadaan sedemikian berlaku, orang kulit hitam berasa dikesepikan dan kecewa, akhir

LIHAT MUKA 8

Malaysia i kuti perkembangan

DARI MUKA 1

nya menyebabkan masalah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas keadaan di Los Angeles yang kini dilanda rusuhan kaum berikutan keputusan mahkamah membebaskan empat anggota polis kulit putih yang memukul pemandu kulit hitam.

Ditanya sama ada rakyat Malaysia di Los Angeles akan dipanggil pulang jika keadaan rusuhan di sana semakin meruncing, Dr Mahathir berkata: "Kita lihat dahulu keadaan serta perkembangan selanjutnya di sana. Tindakan wajar akan diambil, jika difikirkan perlu".

Semalam, Konsul Ma-

B.H. - 2 MAY 1992
Ahmad Nazri berkata kira-kira 600 rakyat Malaysia, termasuk kakitangan Pejabat Konsul dan pelajar yang tinggal di bandaraya Los Angeles, dilaporkan selamat.

Dr Mahathir berkata, perkara sedemikian (rusuhan kaum) di sana tidak seharusnya tercetus jika tidak berlakunyn diskriminasi kaum.

"Di Malaysia, kita menyedari berlakunya perbezaan pendapat antara kaum tetapi kita cuba betulkan dan bukannya mewujudkan diskriminasi antara kaum," katanya selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan lebih 50 pemimpin pelbagai agama di negeri ini.